

Azmin jumpa wakil kerajaan Singapura

SEREMBAN : Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah mengadakan perbincangan dengan wakil kerajaan Singapura berkaitan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur – Singapura , hari ini. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata , beliau difahamkan perbincangan itu memberi tumpuan kepada hala tuju projek tersebut. “Beliau dijangka melaporkan perbincangan itu kepada Kabinet minggu depan,” katanya ketika ditemui para pemberita selepas merasmikan program kempen Kibar Jalur Gemilang 2018 kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pulai Impian dekat sini, hari ini.HSR yang dicadangkan pada tahun 2013 merupakan projek kereta api berkelajuan tinggi sejauh 350 kilometer menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura dan dijangka beroperasi pada 2016.

Status projek itu kelihatan samar selepas Pakatan Harapan (PH) mengambil alih tumpuk kepimpinan negara pada 9 Mei lalu.Kerajaan Singapura kemudiannya menggunakan saluran diplomatik memohon penjelasan kerajaan Malaysia dengan jawapan bertulis kedudukan projek tersebut. Siew Fook Berkata, beliau tidak pasti sama ada projek HSR akan diteruskan dan enggan membuat sebarang kesimpulan sebelum Mohamed Azmin melaporkan hasil perbincangannya itu.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 11 | 12 OGOS 2018